# KENYATAAN TAWARAN

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi melaksanakan perkhidmatan tersebut di bawah.
2. Maklumat sebut harga serta kelayakan asas kontraktor adalah seperti berikut:

| KOD SEBUT HARGA | PERKARA | KOD BIDANG | TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (WAJIB) | TEMPAT DAN TARIKH PENGAMBILAN BORANG SEBUT HARGA (LAMPIRAN Q) | TARIKH AKHIR PENGHANTARAN DOKUMEN |
|---|---|---|---|---|---|
| CAAM/HQ/400-10/2/2 | PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN DI AKADEMI PENERBANGAN MALAYSIA SEPANG, SELANGOR | 221001 (Perkhidmatan - Khidmat Kebersihan dan Rawatan - Pembersihan Bangunan Dan Pejabat)<br><br>221002 (Perkhidmatan - Khidmat Kebersihan dan Rawatan - Membersih Kawasan) | **Tarikh:**<br>3 April 2018 (Selasa)<br><br>**Masa:**<br>9.00 pagi<br><br>**Tempat:**<br>Bilik Mesyuarat Akademi Penerbangan Malaysia<br>Jalan Pekeliling 2<br>64050 Sepang, Selangor | Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Bahagian Khidmat Pengurusan,<br>Aras 3, Blok Podium A, Presint 4, 62618 Putrajaya<br>**Tarikh:**<br>3 April 2018 (Selasa) &<br>4 April 2018 (Rabu)<br><br>**Masa:**<br>8.00 Pagi – 12.30 Tengah hari<br>2.30 Petang – 4.00 Petang | 10 April 2018 (Selasa)<br><br>Sebelum atau pada Jam 12.00 tengahari<br><br>di<br><br>Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia, Bahagian Khidmat Pengurusan,<br>Aras 3, Blok Podium A, Presint 4, 62618 Putrajaya |

3. Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah diwajibkan. Selaras dengan 1PP PK2.1 perenggan 8 (vii)(a)(3)(vi), hanya penama di sijil akaun pendaftaran syarikat MOF sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat ini. Pembekal tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam sijil tersebut. Pembekal dikehendaki membawa sijil pendaftaran syarikat (MOF), cop rasmi syarikat dan kad perniagaan. Kegagalan mengesahkan kehadiran akan menyebabkan penyebut harga tidak layak menyertai sebut harga ini.
4. Borang Sebut Harga (Lampiran Q) hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang memenuhi syarat-syarat berikut:
    a. Kontraktor Bumiputera dan bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan mengikut kod bidang yang ditetapkan.
    b. Membawa **dokumen asal** Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia dan Sijil Pengiktirafan Taraf Bumiputera yang sah tempoh lakunya beserta **satu salinan**.
    c. Menghadiri taklimat dan lawatan tapak seperti yang ditetapkan.
5. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis bilangan sebut harga serta tajuk sebut harga di bahagian atas sebelah kiri ke alamat seperti di atas.
6. Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran paling rendah atau sebarang sebut harga atau mengemukakan sebab-sebab tender tersebut ditolak atau dibatalkan dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini.
7. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan penghantaran melalui perkhidmatan segera Pos Laju tidak digalakkan.
8. Dokumen sebut harga ini boleh diakses menerusi laman web Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) http://www.dca.gov.my.